KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	01.07.22	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	JPSM			

Ganggu ekosistem flora dan fauna

SHAH ALAM - Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) menyifatkan penerokaan kawasan hutan paya bakau secara berleluasa dan tidak terkawal akan mengganggu ekosistem flora dan fauna sekali gus memberi kesan pada ekonomi negara.

Presiden MNS, Profesor Dr Ahmad Ismail berkata, kehilangan kawasan hutan paya bakau boleh mengakibatkan kesan hakisan pantai hingga menjejaskan habitat hidupan liar, sumber perikanan dan perubahan iklim.

"Hutan bakau juga merupakan tempat pembiakan dan tumbesaran sumber perikanan, hilang ekosistem bakau maka akan menjejaskan sumber perikanan.

"Ekosistem bakau yang rosak akan menyebabkan ikan berkurang, aktiviti nelayan pantai terkesan, pendapatan kurang dan sekali gus menjejaskan aktiviti ekopelancongan. Semua ini akan memberi kesan kepada ekonomi juga," katanya.

Sebelum ini Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Datuk Dr Wan Kamal Mujani mendedahkan kira-kira 50 peratus hutan paya bakau di Malaysia sudah diterokai sejak sebelum kemerdekaan.

Menurut beliau, ketika ini negara hanya mempunyai 620,000 hektar kawasan hutan paya bakau.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, perlu ada pendekatan komprehensif bagi menyelamatkan hutan paya bakau negara.

"Antara solusinya adalah dengan mengenal pasti kawasan (paya bakau) yang bermasalah seterusnya menghubungkaitkannya dengan kepentingan ekonomi dan ekologi.

"Selain itu, perlu lakukan pemulihan seperti penanaman semula, pemulihan pantai dan penjagaan rapi termasuk jalankan penyelidikan.

"Kawasan hutan bakau yang ada harus disimpan bagi mengekalkan peratusan hutan negara dan menyumbang kepada kestabilan ekosistem," ujarnya.